

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN TEO NIE CHING minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan peruntukan yang telah disalurkan kepada SJKC Poay Chai, Johor, SJKC Kuek Ho Yao, Johor, SJKC Too Joon Hing, Selangor; dan SJKC Kuang Yu, Penang untuk dana pembinaan sejak tahun 2020 dan senarai sekolah yang telah menerima dana pembinaan dari KPM sejak tahun 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada dasarnya tidak menyediakan sebarang peruntukan bagi tujuan pembinaan mana-mana sekolah yang berstatus sekolah bantuan kerajaan (SBK). Sehubungan dengan itu, bagi sekolah yang berstatus SBK, urusan untuk menyediakan dana pembinaan adalah di bawah tanggungjawab pihak Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) sepenuhnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ingin dijelaskan bahawa pembinaan sesebuah sekolah kerajaan baharu adalah berdasarkan kepada faktor keperluan, kesediaan tapak atau tanah, kesesuaian lokasi, jarak dengan sekolah berdekatan dan kepadatan sekolah sedia ada. Jika syarat-syarat tersebut telah dipenuhi, permohonan pembinaan bagi sekolah kerajaan baharu tersebut akan disenaraikan dalam *Rolling Plan* di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) tertakluk kepada pertimbangan agensi pusat dan kemampuan kewangan semasa kerajaan.